



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SK BANDAR TASIK PUTERI

48000 RAWANG SELANGOR

Kod Sebut Harga :SKBTP400

Ruj. Kami : SKBTP400-10/1/1 JLD 2

Tarikh : 31.07.2019

TAWARAN SEBUT HARGA UNTUK KEDAI BUKU SEKOLAH SK BANDAR TASIK PUTERI.

1. Tawaran adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia yang berminat untuk mengendalikan Kedai Buku Sekolah ini bagi tempoh mulai dari **01.12.2019** hingga **30.11.2021**.
2. Borang-borang serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan boleh dimuat turun di laman web ppdgombak <http://www.ppdgombak.net/v1/> secara **PERCUMA** mulai **5hb Ogos sehingga 19hb Ogos 2019 jam 12.00 tengah hari**.
3. Sebut harga hendaklah dihantar di dalam sampul surat berlakri dan bertanda "**SEBUT HARGA KEDAI BUKU SEKOLAH**" di bahagian atas sudut kiri. Borang serta dokumen-dokumen lain yang berkenaan, hendaklah sampai ke pejabat sekolah pada atau sebelum **6hb September 2019 jam 12.00 tengah-hari**.
4. Setiap sebut harga hendaklah disertakan wang pertaruhan sebanyak **RM 100.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Sahaja)** dalam bentuk kiriman wang/wang pos / draf bank atas nama, GURU BESAR SK BANDAR TASIK PUTERI. Permohonan tanpa wang pertaruhan tidak akan dilayan dan dipertimbangkan. Wang pertaruhan akan dikembalikan semula kepada pemohon-pemohon yang tidak berjaya.
5. Jumlah **anggaran murid** untuk tahun 2020 adalah 2186 orang. Sesi persekolahan Pagi dan Petang).
6. Jawatankuasa Sebut Harga tidak terikat untuk memilih mana-mana tawaran sebut harga yang tertinggi atau sebarang sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

.....
NORDIN BIN KASSIM
Guru Besar
SK Bandar Tasik Puteri
48000 Rawang, Selangor D. Ehsan